

06 MAR 2002

Akujanji-Menteri (Bergambar)

MENTERI TANDATANGANI SURAT AKUJANJI

PUTRAJAYA, 6 Mac (Bernama) -- Semua menteri kabinet dan anggota pentadbiran kerajaan pusat yang terdiri daripada timbalan menteri, setiausaha parlimen dan setiausaha politik hari ini menandatangani Surat Akujanji di hadapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mereka menandatangani pada satu majlis di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengetuai para menteri dan anggota pentadbiran menyerahkan surat itu untuk ditandatangani dan disahkan oleh Dr Mahathir.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik yang mewakili menteri kabinet secara simbolik kemudiannya menyerahkan Surat Akujanji itu kepada Dr Mahathir.

Ini diikuti Timbalan Menteri Penerangan Datuk Khalid Yunus yang mewakili timbalan-timbalan menteri menyerahkan surat itu kepada Dr Mahathir dan diikuti Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri Datuk Khamsiyah Yeop yang mewakili setiausaha-setiausaha parlimen manakala Setiausaha Politik Kepada Perdana Menteri Datuk Johari Baharom mewakili setiausaha-setiausaha politik.

Pagi tadi Dr Mahathir Mohamad menandatangani Surat Akujanji di hadapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Istana Negara.

Dr Mahathir dalam ucapan ringkas pada majlis itu, berkata Surat Akujanji itu bukanlah satu sumpah kerana mereka telah mengangkat sumpah semasa mula-mula memegang jawatan.

Sebaliknya katanya, ia sebagai satu pengakuan akan niat untuk menjalankan tugas dengan sebaik mungkin.

"Walaupun kita telah menjalankan tugas dengan baik tetapi masih ada ruang untuk memperbaikinya," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata beliau telah banyak melawat ke luar negara dan mendapati pentadbiran kerajaan Malaysia adalah yang terbaik kerana mengambil pendekatan "hands-on" dan para anggota pentadbiran terlibat secara langsung dalam pelaksanaan keputusan dan tidak hanya menyerahkan kepada orang lain melaksanakannya.

Beliau mengimbas kejayaan Malaysia mengatasi krisis kewangan pada 1998 di mana katanya, cara yang dilaksanakan kerajaan dengan menubuhkan pasukan "pengurusan krisis" dan menyemak setiap pendekatan dan langkah yang dilaksanakan pada setiap hari berjaya mengatasi masalah itu.

Perdana Menteri berharap sikap ini akan berterusan dan anggota pentadbiran mesti memberikan komitmen sepenuhnya kepada cara pentadbiran negara ini.

-- BERNAMA

MUN HS RZS MOZ